

TARIKH	23 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	3	RUANGAN	Dlm Negeri

Seri Paduka nasihat jemaah haji Malaysia jaga kesihatan

MEKAH 22 Okt. - Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah menasihatkan jemaah haji Malaysia supaya menjaga kesihatan untuk menunaikan rukun haji utama iaitu wukuf di Arafah pada Khamis ini.

Seri Paduka bertitah, ibadah bermalam di Muzdalifah dan melontar jamrah di Mina juga merupakan rukun haji dan perjalanan ke arah itu, memerlukan tuntutan fizikal

dan kerohanian yang tinggi.

"Beta dan Raja Permaisuri amat gembira dapat meninjau sendiri keadaan jemaah haji Malaysia yang kelihatan sihat dan bersedia untuk berwukuf," titah baginda semasa melawat ibu pejabat Tabung Haji di Bangunan Abraj Al-Janadriah, di sini.

Turut berangkat Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Haminah.

Seri Paduka juga menerima cenderamata daripada Ketua Muassasah Asia Tenggara, Sheikh Zuhair Al Sandayu iaitu sebahagian daripada kiswah (kain yang menutupi Kaabah) yang ditukar baru-baru ini.

Tuanku Abdul Halim turut melahirkan rasa gembira kerana dapat beramah mesra dengan para jemaah dan petugas Tabung Haji Malaysia semasa berada di Tanah Suci.

Seri Paduka juga mengucapkan syabas kepada Tabung Haji di atas usaha berterusan badan itu memberi dan menambah baik perkhidmatan kepada semua jemaah haji Malaysia.

"Ramai pemimpin negara asing dan juga Kerajaan Arab Saudi kagum dan memuji serta memandangkan tinggi sikap dan perwatakan jemaah Malaysia sehingga ada yang menyatakan jemaah Malaysia adalah yang terbaik dalam kalangan jutaan jemaah lain," titah Seri

Paduka.

Tuanku Abdul Halim bertitah, pengiktirafan itu membuktikan kejayaan Tabung Haji melaksanakan amalan terbaik dan membudayakan kerja cemerlang dalam usaha membantu tetamu Allah memperoleh haji mabrur.

Seri Paduka berdua tiba ke Tanah Suci pada 19 Oktober lepas bagi menunaikan ibadah haji tamattuk.

- BERNAMA